



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

PROGRAM NUR RAMADAN
PARLIMEN SEPUTEH

18 MAC 2024

MASJID ABDUL RAHMAN BIN AUF
KAMPUNG PETALING BAHAGIA

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ،
وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَىٰ

سیدنا محمد

أشرف

المرسلين،

و على آلـه

و صحبـه أجمعـين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Program Nur Ramadan Wilayah Persekutuan peringkat Parlimen Seputeh.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang dapat hadir ke program pada petang ini. Belum terlambat rasanya untuk saya ucapkan Ramadan Kareem kepada semua umat Islam,

khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada program ini.

3. Semoga Ramadan pada kali ini memberi seribu rahmat kepada kita semua, khususnya dalam kita mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sedikit perkongsian saya ingin kongsi dengan semua. Allah SWT telah menjanjikan ganjaran pahala yang berganda-ganda pada bulan Ramadan ini.

5. Bulan ini juga adalah kesempatan bagi orang yang berpuasa untuk menjalani amal ibadah dengan bersungguh-sungguh tanpa gangguan dan godaan daripada syaitan.

6. Pada bulan ini juga, pintu neraka akan ditutup serapat-rapatnya dan pintu syurga pula akan dibuka seluas-luasnya bagi menyambut orang yang berpuasa dengan bersungguh-sungguh dan melakukan amalan kebaikan di bulan Ramadan.

7. Sehubungan itu, marilah sama-sama kita perbanyakkan amalan yang baik dan meninggalkan amalan yang tidak baik sepanjang bulan Ramadan ini.
8. Kumpul sebanyak mungkin peluang pahala yang telah dijanjikan kepada kita semua.

NUR RAMADAN PERINGKAT PARLIMEN SEPUTEH

Para hadirin sekalian,

9. Program Nur Ramadan ini merupakan tradisi tahunan Jabatan Wilayah Persekutuan atau JWP dan agensi-agensi di bawahnya sejak tahun 2010

lagi yang dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau MAIWP bagi menyantuni mereka yang memerlukan, terutamanya golongan asnaf, OKU, warga emas, ibu tunggal dan anak yatim.

10. Program di Parlimen Seputeh hari ini juga turut mendapat kerjasama strategik dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Seputeh. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang membantu dari setiap sudut bagi menjayakan program pada hari ini.

11. Ini menunjukkan komitmen Kerajaan MADANI yang ada pada hari ini untuk sentiasa mendekati dan merasai sendiri keperluan dan kehendak rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MAIWP yang sentiasa bersama Jabatan Wilayah Persekutuan dalam membantu rakyat. Sebagai contoh, pada hari ini, di Parlimen Seputeh ini, MAIWP telah menyumbangkan wang zakat berjumlah RM 60,000.00 untuk

diagihkan kepada 300 orang penerima yang hadir pada majlis ini. Komitmen MAIWP ini secara konsisten bersama-sama JWP dalam usaha peningkatan darjat hidup rakyat, amat saya hargai.

13. Mudah-mudahan dengan sumbangan kewangan yang akan disampaikan sebentar lagi ini serba sedikit dapat meringankan beban tuan-tuan dan puhan-puan sekalian dalam menyambut Ramadan dan seterusnya meraikan lebaran tidak lama lagi.

PUJI MENINGKATKAN DARJAT HIDUP RAKYAT

Para hadirin sekalian,

14. JWP sentiasa komited untuk membantu meningkatkan darjat hidup rakyat di Wilayah Persekutuan ini. Di Wilayah Persekutuan, kesemua bantuan dan inisiatif yang diberikan oleh Kerajaan telah distruktur dan diselaras di dalam satu *flagship* yang dinamakan sebagai Program Usaha Jaya Insan atau PUJI.

15. Insya-Allah, melalui PUJI ini, rakyat akan dapat manfaatnya melalui pelbagai inisiatif yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan, sebagai contoh program pendayaupayaan Ketua atau Ahli Isi Rumah untuk keluar

- dari kepompong miskin tegar atau miskin bandar dan banyak lagi inisiatif yang akan dilaksanakan.
16. Perlu untuk kita pastikan, kesemua rakyat tanpa mengira latar belakang, kaum, agama dan kepercayaan dapat ditingkatkan taraf hidup mereka dengan *exit program* yang bersesuaian atau *tailor* kepada mereka.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

17. Sekali lagi saya ucapkan Selamat Berpuasa kepada semua umat Islam khususnya warga Wilayah Persekutuan yang hadir pada program petang ini.
18. Semoga segala usaha kita ini dihitung sebagai amalan soleh yang akan memberatkan neraca pahala kita untuk sampai ke syurga Allah SWT.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.